JABATAN KERAJAAN TEMPATAN
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
Aras 25-29, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel.: 603-8891 5000
Faks: 603-8891 3090
Web mel: http://jkt.kpkt.gov.my
E-mel: jkt@kpkt.gov.my

Ruj.Kami :JKT.KS.1400-2 Klt.3 (49)
Tarikh : 29 Disember 2017

**EDARAN MELALUI PORTAL JKT:**

Semua Datuk Bandar/Yang Dipertua/Pengerusi
Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA BAGI MINGGU 48/2017 (26 November hingga 02 Disember 2017)**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan, berdasarkan data oleh Kementerian Kesihatan Malaysia,pada minggu epid 48/2017, iaitu bagi tempoh tersebut, **sebanyak 832 kes Demam Denggi** dengan **4 kes kematian** telah dilaporkan berbanding **961 kes dengan 1 kes kematian** pada minggu sebelumnya, Secara kumulatifnya, kes denggi yang dilaporkan dari 1 Januari sehingga 02 Disember 2017 adalah sebanyak **79,855 kes dengan 168 kematian**, menurun **15,800 kes (16.5%)** berbanding dengan **95,655 kes** dengan **223 kematian** dalam tempoh yang sama tahun lepas (sila rujuk **Lampiran A dan A1**).

3. Pada minggu ke-48, sebanyak **20 lokaliti *hotspot* yang masih aktif** dilaporkan di seluruh negara menurun sebanyak **1 lokaliti hotspot** berbanding dengan minggu sebelumnya iaitu **21 lokaliti**. Maklumat lokaliti *hotspot* mengikut negeri dan PBT adalah (seperti **di Lampiran B**).

4. Bagi PBT yang mempunyai lokaliti *hotspot*, aktiviti kawalan sebagaimana dalam Pelan Tindakan Kawalan Denggi PBT di Lokaliti *hotspot* yang disediakan oleh KPKT hendaklah dipertingkatkan bagi memastikan wabak denggi dapat dikawal. Aktiviti kawalan adalah termasuk pemantauan kutipan sampah, pemeriksaan tempat-tempat pembiakan, pengukuhan program COMBI (*Communication for Behavioral Impact*), penguatkuasaan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Selain itu aktiviti promosi kesihatan juga perlu ditingkatkan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang aspek pencegahan dan pengawalan denggi.

5. Untuk makluman YBhg.TanSri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan Situasi Semasa Demam Denggi di Malaysia ini juga boleh diakses dan dimuat turun dari portal rasmi Jabatan Kerajaan Tempatan di alamat http://jkt.kpkt.gov.my atau di portal rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia di alamat http://www.moh.gov.my.

6. Kerjasama dan komitmen YBhg.Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam hal ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian terima kasih,

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

***"1MALAYSIA: RAKYAT DI DAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"***

Saya yang menurut perintah,

**(DR. HASNAH BINTI BIBON)**
Ketua Perunding
Bahagian Perundingan Kesihatan Persekitaran
b/p Ketua Pengarah
Jabatan Kerajaan Tempatan
Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Edaran Dalaman (melalui e-mel):

1. YBhg. Dato', Ketua Pengarah JKT
2. YBrs. Timbalan Ketua Pengarah ( Pengurusan dan Pembangunan) JKT
3. YBrs.Timbalan Ketua Pengarah (Perundingan dan Perundangan) JKT
4. Semua Pengarah Bahagian
5. Semua Anggota Bahagian Perundingan Kesihatan Persekitaran

Lampiran 1

# STATUS PENDAFTARAN KES DENGGI YANG DILAPORKAN BAGI MINGGU KE 48/2017

**MINGGU: 48 TAHUN 2017**
**TARIKH: 05 Disember 2017 (SELASA)**

| Bil | NEGERI | Bilangan Kes Denggi dan Kematian dilaporkan | | | | Jumlah Terkumpul Kes sehingga minggu 46/2017 | | Jumlah Terkumpul Kes sehingga minggu 46/2016 | | Nota |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Minggu 48 (26 Nov. - 02 Dic. 2017) | | Minggu 47 (19 Nov. - 25 Nov. 2017) | | | | | | |
| | | Kes | Mati | Kes | Mati | K | M | K | M | |
| 1 | Perlis | 2 | 0 | 2 | 0 | 174 | 0 | 178 | 3 | |
| 2 | Kedah | 18 | 0 | 15 | 0 | 1,372 | 5 | 924 | 4 | |
| 3 | Penang | 37 | 0 | 71 | 0 | 2,441 | 13 | 2,429 | 12 | |
| 4 | Perak | 46 | 0 | 39 | 0 | 5,221 | 11 | 3,472 | 10 | |
| 5 | Selangor | 418 | 2 | 454 | 1 | 43,271 | 63 | 48,910 | 75 | |
| 6 | WPKL & Putrajaya | 70 | 0 | 96 | 0 | 8,008 | 19 | 8,181 | 19 | |
| 7 | N Sembilan | 20 | 0 | 19 | 0 | 2,968 | 11 | 2,607 | 24 | |
| 8 | Melaka | 21 | 0 | 12 | 0 | 1,367 | 1 | 2,128 | 7 | |
| 9 | Johor | 110 | 0 | 125 | 0 | 7,435 | 24 | 10,246 | 22 | |
| 10 | Pahang | 14 | 0 | 23 | 0 | 1,615 | 6 | 2,833 | 9 | |
| 11 | Terengganu | 3 | 0 | 2 | 0 | 278 | 1 | 1,972 | 19 | |
| 12 | Kelantan | 14 | 0 | 26 | 0 | 2,455 | 2 | 5,742 | 10 | |
| 13 | Sarawak | 8 | 0 | 13 | 0 | 916 | 4 | 2,593 | 7 | |
| 14 | Sabah | 48 | 2 | 64 | 0 | 2,247 | 8 | 3,437 | 2 | |
| 15 | WP Labuan | 3 | 0 | 0 | 0 | 87 | 0 | 13 | 0 | |
| | Jumlah | 832 | 4 | 961 | 1 | 79,855 | 168 | 95,665 | 223 | |

Disediakan oleh: Abu Hassan Bin Alias

*Sumber : Face Book.CPRC KKM*

LAMPIRAN A1


TREN KES DENGGI DI MALAYSIA
Tahun 2014, 2015, 2016 &2017
JUMLAH KES
4000
3500
3000
2500
2000
1500
1000
500
0
1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15 16 17 18 19 20 21 22 23 24 25 26 27 28 29 30 31 32 33 34 35 36 37 38 39 40 41 42 43 44 45 46 47 48 49 50 51 52
MINGGU EPID
Median 2010-2014
2014
2015
2016
2017

Lampiran B

## SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" MINGGU EPID 48/2017

| Bil | Negeri | PBT | Daerah | Nama Lokaliti Wabak | KUMALATIF KES |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | SELANGOR | MBPJ | PETALING | TMN SRI SERDANG 2 (JLN 18/8-18/28 & FLAT) | 25 |
| 2 | SELANGOR | MPKj | HULU LANGAT | JALAN BUKIT PERMAI 1-5 TAMAN BUKIT PERMAI | 19 |
| 3 | SELANGOR | MBPJ | PETALING | BI PJU 8 METROPOLITAN SQUARE CONDO | 6 |
| 4 | SELANGOR | MP KLANG | KLANG | PANDAMARAN (FLAT SURIA PENDAMAR) | 17 |
| 5 | SELANGOR | MPKj | HULU LANGAT | JALAN JENARIS 2-5 TAMAN JENARIS | 7 |
| 6 | SELANGOR | MPS | GOMBAK | KG SELAYANG INDAH ZON A | 7 |
| 7 | P.PINANG | MBPP | TIMUR LAUT | APARTMENT SRI NIBONG | 16 |
| 8 | WILAYAH PERSEKUTUAN | DBKL | CHERAS | PPR RAYA PERMAI | 8 |
| 9 | SELANGOR | MBPJ | PETALING | TAMAN SERDANG PERDANA (SOUTH CITY CONDO) | 7 |
| 10 | SELANGOR | MBSA | PETALING | SEKSYEN 6, (TMN.A:JLN 6/1A - 6/21 & 6/9A-6/10A) | 9 |
| 11 | SELANGOR | MD HULU SELANGOR | HULU SELANGOR | KG. SERI SERENDAH | 15 |
| 12 | SELANGOR | MBSA | PETALING | SEKSYEN 26 (FLAT PPRT: BLOK A,B,C) | 6 |
| 13 | SELANGOR | MPS | GOMBAK | KG. SELAYANG INDAH ZON B | 9 |
| 14 | JOHOR | MPPG | JOHOR BAHRU | ILP PASIR GUDANG | 6 |
| 15 | SELANGOR | MPS | GOMBAK | TMN. SRI GOMBAK FASA 4 | 5 |
| 16 | SELANGOR | MPKj | HULU LANGAT | KEM PGA SEMENYEH | 6 |
| 17 | SELANGOR | MBSA | PETALING | KT SEKSYEN 20 TERES A | 4 |
| 18 | SELANGOR | MBPJ | PETALING | KD PJU SEJSYEN 7: TERES | 12 |
| 19 | SELANGOR | MBPJ | PETALING | SRI SS 8 APT KELANA IMPIAN | 8 |
| 20 | SABAH | MD PUTATAN | PUTATAN | TAMAN JUMBO PH:1 | 8 |